

27 September 2008

Harian Metro

A●

28

Sabtu, 27 September 2008

Setempat

Harian Metro

IM PILIH 28A 27 (e-mel)

Nasib si kecil raih simpati

Tabung AIA bantu tampung kos pembedahan jantung lima kanak-kanak

>>Oleh Rosmaliana Aida Mohd Adnan

rosmaliana@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: "Syukurlah, walaupun mempunyai masalah kesihatan, Khadijah tidak berkelakuan seperti orang sakit. Dia aktif seperti kanak-kanak lain.

"Malah dia tidak banyak kereh dan menjaganya amat mudah, cuma perlu berhati-hati dan sentiasa peka kerana dia perlu memakan ubat mengikut waktu yang ditetapkan," kata bapanya, Samsul Hanafiah.

Samsul, 47, berkata anak tunggalnya, Siti Khadijah, 16

bulan, sememangnya dilahirkan dengan masalah jantung dan memerlukan sekurang-kurangnya empat kali pembedahan untuk hidup normal.

"Khadijah kini sudah melalui dua pembedahan dan dijangka pada akhir tahun ini, dia akan menjalani pembedahan ketiga.

"Bayangkanlah apa yang kanak-kanak sekecil itu ketahui mengenai kesakitan," katanya ketika ditemui selepas menerima sumbangan daripada American International Assurance Bhd (AIA Bhd) di Gleneagles Intan Medical Centre di sini, semalam.

Bayi comel itu seorang da-

ripada lima penerima bertuah tabung sumbangan AIA Have-A-Heart RM145,000 daripada AIA Bhd untuk menampung kos pembedahan jantung mereka.

Penerima sumbangan lain ialah Yong Chia Meng, 5, dan Lau Zi Wei, 6, yang turut menerima sumbangan dari Unit Kebajikan The New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP).

Turut hadir pada majlis itu, Ketua Pegawai Eksekutif Gleneagles Intan Medical Centre, Faisal Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif AIA Bhd, Khor Hock Seng, Pengurus Wilayah AIA Bhd, Leow Nan Chung dan Timbalan Pre-

siden Komunikasi Korporat AIA Bhd, Mala Patmarajah.

Pada majlis sama, AIA Bhd turut menyerahkan sumbangan duit raya dan cenderahati kepada 30 pesakit kanak-kanak yang menerima rawatan di wad pediatrik Gleneagles Intan.

Samsul berkata, jumlah keseluruhan kos keempat-empat pembedahan yang terpaksa dilalui Siti Khadijah ialah kira-kira RM200,000.

"Mana saya mampu menyediakan wang sebanyak itu.

"Tapi syukurlah, dengan bantuan ini sedikit sebanyak meringankan beban yang ditanggung saya sekeluarga," katanya.

FOTO | Muhammad Nazreen Syah



SERAH...Khor (kanan) bersama Leow menyerahkan duit raya kepada Lau (dua dari kanan) dan Yong.